

20 SEP 2002

LEAD Mahathir-Belanjawan

BELANJAWAN: PM UMUM STRATEGI SERAMPANG EMPAT MATA RANGSANG EKONOMI

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan strategi serampang empat mata dalam Belanjawan 2003 yang bertujuan mempertingkatkan lagi potensi pertumbuhan dinamik ekonomi Malaysia dalam menghadapi suasana persaingan yang sengit di luar negara.

Dalam belanjawan yang tidak mengandungi sebarang cadangan bagi kenaikan cukai itu, Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, sebaliknya mengumumkan beberapa galakan untuk mempertingkatkan lagi daya saingan sektor swasta dan memupuk kecemerlangan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan awam.

Yang paling utama ialah cadangan untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan di negara ini dan memberikan galakan bagi sektor ekonomi agar mereka dapat memanfaatkan potensi mereka sepenuhnya.

"Saya tidak bercadang untuk menaikkan atau mengenakan sebarang cukai baru. Namun, demi memastikan kerajaan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan, usaha akan dipergiat lagi bagi meningkatkan pematuhan bayaran cukai," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Parlimen.

Sambil menyatakan bahawa ekonomi Malaysia akan tumbuh pada kadar yang menggalakkan sebanyak 6.0 hingga 6.5 peratus tahun depan, Perdana Menteri berkata Belanjawan RM109.8 bilion yang dicadangkan bagi tahun 2003 itu merupakan peningkatan sebanyak 9.2 peratus berbanding peruntukan asal pada tahun 2002. Daripada jumlah ini, sebanyak RM72.84 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM36.96 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Dengan pendapatan yang dianggarkan berjumlah RM89.79 bilion, akaun keseluruhan kerajaan persekutuan dijangka mencatat defisit sebanyak 3.9 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK), iaitu lebih rendah daripada 4.7 peratus pada tahun 2002.

Dalam ucapan yang mengambil masa lebih daripada dua jam itu, Dr Mahathir juga membawa berita gembira kepada hampir sejuta kakitangan awam di seluruh negara apabila beliau mengumumkan bonus sebulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,200 sebagai menghargai usaha keras dan dedikasi mereka.

Belanjawan 2003 menumpukan kepada empat strategi:

Pertama: meningkatkan pelaburan domestik dalam semua sektor dengan potensi pertumbuhan;

Kedua: mengenal pasti dan menerokai bidang niche dalam sektor-sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan;

Ketiga: memperkukuh kewangan sektor awam dan mempertingkatkan kecekapan kakitangan awam; dan

Keempat: memupuk masyarakat yang progresif dan harmoni dengan nilai moral yang tinggi dan menjamin kesejahteraan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

Sambil menyifatkan Belanjawan 2003 sebagai "mesra rakyat", Dr Mahathir juga menyeru supaya dilaksanakan anjakan paradigma dalam pengurusan ekonomi negara kerana ia terlalu bergantung kepada pembangunan sektor luaran, pelaburan langsung asing dan perdagangan antarabangsa sejak berpuluh tahun lamanya, serta menegaskan bahawa pertumbuhan mestilah didorong oleh faktor dalam negeri dan dijana oleh sumber-sumber dan pelaburan dalam negara.

Perdana Menteri menggesa rakyat Malaysia mencontohi China dan Korea Selatan dalam menyusun strategi sektor industri.

Beliau juga menggesa sektor swasta di negara ini memainkan peranan sebagai penjana utama pertumbuhan ekonomi kerana kerajaan tidak boleh terus

melaksanakan dasar-dasar fiskal mengembang.

Dalam usaha untuk menggalakkan industri kecil dan sederhana (IKS), Dr Mahathir mencadangkan supaya cukai korporat IKS yang modal berbayarnya berjumlah RM2.5 juta diturunkan kepada 20 peratus ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai sehingga RM100,000 daripada 28 peratus sekarang.

Langkah itu akan menyebabkan kerajaan kehilangan pendapatan sebanyak kira-kira RM270 juta.

Belanjawan 2003 juga mengandungi beberapa galakan bagi membantu syarikat mengurangkan kos mengendalikan perniagaan bagi mempertingkatkan daya saingan negara dan ini juga meliputi ahli-ahli perniagaan yang beroperasi di Malaysia.

Contohnya, bukan pemastautin tidak lagi dikenakan cukai ke atas pendapatan yang diterima bagi perkhidmatan yang diberikan di luar negara manakala peraturan-peraturan Kastam akan dipermudahkan dan diseragamkan bagi mempercepatkan pergerakan barangan.

Sebagai rangsangan bagi pengeksport Malaysia, Dr Mahathir juga mengumumkan pemberian hadiah khas bagi pengeksport baik yang membolehkan mereka mendapat pengecualian cukai ke atas cukai pendapatan bagi 30 peratus daripada pertambahan eksport manakala mereka yang menembusi pasaran baru akan diberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50 peratus.

Mengenai mempertingkatkan wawasan kerajaan mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, beliau berkata nilai kontrak setiap kelas kontrak kerajaan bagi kontraktor bumiputera akan dinaikkan kepada antara RM200,000 dan RM15 juta setiap satu berbanding RM100,000 hingga RM4 juta setiap satu sekarang.

Kerajaan telah tidak mengkaji semula kadar sejak tahun 1970-an, kata beliau.

Bagaimanapun katanya kerajaan juga akan lebih berhati-hati dalam memberikan kontrak kerana terdapat segelintir yang menjual kontrak mereka untuk memperolehi untung cepat. Kontrak-kontraktor itu kini akan disenarai-hitamkan.

Mengenai pembangunan luar bandar dan meningkatkan pendapatan pekerja kilang, peladang dan nelayan di kawasan luar bandar, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memperkenalkan konsep "Satu Kampung Satu Industri" yang membabitkan pembangunan industri kecil yang memerlukan antara 10 dan 100 pekerja setiap satu.

Kampung-kampung di pedalaman akan dirancang semula untuk mempunyai kedai-kedai runcit dan kedai kopi dan kilang kecil yang boleh mengeluarkan keluaran yang boleh dipasarkan.

Dr Mahathir juga berkata bahawa pembangunan tanah yang selari dengan Felda tidak berdaya maju lagi.

Perdana Menteri juga mengumumkan perancangan untuk menjadikan pertanian sebagai enjin pertumbuhan ketiga dan berkata kerajaan akan terus meningkatkan pelaburan dalam aktiviti pertanian komersial.

Untuk menggalakkan penyatuan dan pengurusan kebun kecil, beliau berkata pengurangan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan akan diberikan kepada sesebuah syarikat yang melabur dalam anak syarikat yang membabitkan penyatuan pengurusan kebun kecil dan tanah terbiar.

Anak syarikat yang melaksanakan pengurusan seumpama itu akan juga dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

Galakan cukai juga turut diumumkan bagi syarikat-syarikat perladangan bukan getah yang membekalkan kayu getah untuk industri perabot, syarikat-syarikat mengeluarkan dan memproses makanan, dan menternak ayam dan itik.

Galakan-galakan juga akan diberikan kepada syarikat dalam sektor pembuatan yang melaksanakan aktiviti nilai tinggi dan syarikat yang berpindah kepada aktiviti berasaskan pengetahuan.

Tabung-tabung khas juga akan ditubuhkan untuk membantu syarikat-syarikat meluaskan dan mempercepat aktiviti mereka dalam sektor pelancongan dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Dr Mahathir turut mengumumkan galakan bagi syarikat asing yang menubuhkan pusat-pusat pengedaran kawasan dan ibu pejabat operasi di Malaysia.

Mengenai pasaran modal secara Islam, beliau berkata kerajaan akan menggalakkan penerbitan sekuriti hutang swasta (PDS) secara Islam berasaskan kepada prinsip mudarabah, musyarakah dan ijarah, dan menarik pelabur terutamanya dari Asia Barat.

Melalui cadangan kerajaan itu perbelanjaan yang ditanggung ke atas penerbitan PDS Islam akan dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan bagi lima tahun bermula dari tahun depan.

Dr Mahathir turut membidas institusi kewangan yang hanya mencari untung dan gagal dalam tanggungjawab mereka sebagai pemberi pinjaman.

Beliau memberi amaran bahawa kedegilan mereka mungkin memaksa kerajaan mencari alternatif bagi memastikan pembiayaan yang mencukupi bagi para pelabur dan ia mungkin terpaksa menaikkan nisbah rizab berkanun bagi institusi perbankan.

-- BERNAMA

MAM SHY OS NMO